

HELIKOPTER bomba turut digunakan bagi membantu memadam kebakaran belukar di Kampung STC, Sri Aman.



Api dalam tanah sukar dikesan

Sri Aman: Struktur tanah gambut yang longgar serta bercampur dengan daun kering dan kayu buruk menyebabkan belukar di Kampung STC di sini, mudah terbakar dan merebak dengan cepat.

Malah api sukar dipadam kerana bara di dalam tanah gambut sukar dikesan, sekaligus menjadi cabaran utama pasukan yang terbabit dalam operasi memadam kebakaran.

Residen Bahagian Sri Aman, Indit Bangai berkata, pelbagai aset digerakkan termasuk menggunakan jengkaut namun kebakaran di kawasan itu boleh tercetus semula walaupun api dipadamkan.

Justeru katanya, anggota daripada pelbagai agensi kini dikerah melakukan operasi memadam dengan tumpuan diberikan di Kampung STC.

"Perhatian kami kini ditumpukan di sini kerana berdekatan dengan penempatan penduduk manakala di Jalan Kejatau dan Klahu sudah terkawal.

"Sukar bagi saya untuk mengatakan kebakaran ini boleh dipadam sepenuhnya dalam sehari dua ini kerana faktor tanah gambut memang sukar dijangka," katanya ketika ditemui di Pusat Kawalan Bomba di Kampung STC di sini, semalam.

Sementara itu tinjauan di lokasi mendapati seramai 36 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Tentera Darat Malaysia (ATM) bertungkus-lumus memadam bara api di dalam tanah gambut itu.

Wartawan yang memasuki kawasan operasi menyaksikan

kan sendiri bagaimana kebakaran tiba-tiba berlaku di luar lingkungan kawasan tanah gambut yang masih berasap.



Sukar bagi saya untuk mengatakan kebakaran ini boleh dipadam sepenuhnya dalam sehari dua ini kerana faktor tanah gambut memang sukar dijangka"

Seorang pegawai JBPM menjelaskan keadaan itu biasa berlaku apabila ada daun terbakar diterbangkan angin dan jatuh di tempat lain dan api menyebarkan daun kering.

Keadaan itu memaksa anggota meredah belukar sekunder yang tebal untuk menarik hos ke kawasan itu dengan segera bagi mengelak api merebak ke kawasan yang lebih luas.

"Inilah cabaran yang selalu kami hadapi. Ketika kami berusaha memadam kebakaran dalam tanah gambut, api tiba-tiba marak di tempat lain," katanya.

Indit Bangai



ANGGOTA APM menarik hos meredah belukar.



JARAK penglihatan yang terhad akibat asap kebakaran.

Enam penerbangan LTSAS batal

Ipoh: Sebanyak enam penerbangan membabitkan 747 penumpang terpaksa dibatalkan berikutan keadaan jerebu di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS), semalam.

Pengurus LTSAS, Mohd Ali Osman berkata, semua penerbangan membabitkan pesawat Fly Scoot dan AirAsia terpaksa dibatalkan kerana jarak penglihatan di lapangan terbang tidak baik.

"Jarak penglihatan di lapangan terbang dilaporkan rendah pada jam 8 pagi ini (semalam) dengan mencatat bacaan 2,000 meter.

"Enam penerbangan dibatalkan daripada 14 penerbangan hari ini (semalam) membabitkan penerbangan pergi balik Singapura - Ipoh - Singapura (Fly Scoot), Johor Bahru - Ipoh - Singapura (AirAsia) dan Singapura - Ipoh - Johor Bahru (AirAsia)," katanya dalam kenyataan semalam.

Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Tasek mencatat bacaan tertinggi iaitu 168, diikuti Pegoh 148, Seri Manjung (136), Tanjung Malim (135) dan Taiping (114).

57 sekolah di Selangor tutup

Shah Alam: Sebanyak 57 sekolah di Selangor diarah tutup hari ini berikutan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 200 iaitu paras sangat tidak sihat.


Arahan penutupan itu membabitkan sekolah di daerah Kuala Langat dan Klang berdasarkan bacaan IPU di stesen Johan Setia setakat jam 3 petang, semalam.

Berdasarkan kenyataan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, arahan penutupan itu membabitkan 68,025 pelajar dan murid di 30 sekolah di Kuala Langat dan 27 di Klang.

"Bagi sekolah yang merujuk bacaan IPU melebihi 100, pihak sekolah diingatkan supaya menghentikan semua aktiviti di luar bilik darjah yang membabitkan semua murid.

"Sekiranya bacaan IPU di kawasan lain melebihi 200, pihak sekolah perlu mengambil tindakan selaras dengan Surat Siaran KPM bilangan 1/2019 dengan menutup sekolah," katanya.

Menurut kenyataan itu, berikutan bacaan IPU di lain-lain stesen di negeri ini bawah 200, semua sekolah di kawasan berkenaan kembali beroperasi seperti biasa hari ini.



BELUKAR yang tebal menyukarkan operasi pemadaman bara dalam tanah.